

info

usahawan

issue
1/21


nota minda masmed

penjenamaan
semula

fenomena
zamsaham

elon musk.

VISIONARI
MEREVOLUSI
DUNIA



USAHAWAN E -PENDIDIKAN: SATU PELUANG & STRATEGI

BAHAGIAN 2

Iza Faradiba Mohammad Patel,¹ Afidah Osoman,² Farihana
Abdul Razak² Nora Harun³

¹ Akademi Pengajian Bahasa, Universiti Teknologi Mara, Cawangan Perak,
Kampus Seri Iskandar, Perak.

² Fakulti Undang-Undang, Universiti Teknologi Mara, Cawangan Perak,
Kampus Tapah, Perak

³ Akademi Pengajian Bahasa, Universiti Teknologi Mara, Cawangan Perak,
Kampus Tapah, Perak

Di bahagian pertama, penulis telah membincangkan kelebihan serta dua strategi yang perlu untuk berjaya sebagai usahawan e-pendidikan. Kelebihan menceburi bidang ini terletak kepada faktor fleksibiliti. Minat pula adalah ciri utama selain strategi seperti latar belakang pendidikan serta memiliki akses kepada peranti yang terkini dan bersesuaian. Berikut adalah empat lagi strategi yang akan diperhalusi.

- **Aplikasi (Softwares)**

Rujuk Jadual 1.

- **Aspek Kewangan**

Terdapat beberapa aspek kewangan yang perlu diambil kira seperti yuran bulanan yang perlu dibayar oleh pelajar serta mod pembayaran. Bayaran yuran tertakluk kepada budi bicara tutor. Dalam menentukan jumlah bayaran, kita boleh menetapkan amaun berasaskan kriteria seperti tahap pelajar dan jenis mata pelajaran. Selain itu, pengalaman, latar belakang dan kepakaran tutor juga perlu diambil kira. Yuran juga boleh ditetapkan secara bulanan atau mengikut jam temu.

Jika kita mempunyai sasaran pelanggan dari luar negara, mod pembayaran boleh dilakukan melalui kaedah Paypal atau kaedah-kaedah alternatif lain yang mudah. Di Malaysia amnya, kaedah perbankan atas talian adalah kaedah yang paling popular dan mudah. Contoh perbankan atas talian adalah Maybank2u, Cimbclicks dan DuitNow.

- **Pemasaran**

Pembinaan laman sesawang:
Laman sesawang dapat membantu

memudahkan pelanggan mendapatkan maklumat dengan menggunakan kata kunci. Terdapat beberapa 'website builder' percuma seperti Wix, GoDaddy, Stringkingly, Weebly, WordPress yang mempunyai objektif serta untuk kumpulan sasaran yang berbeza.

(<https://www.websitebuilderexpert.com/website-builders/free>)

Penggunaan laman media sosial:

Medium Facebook serta Instagram adalah platform yang paling sesuai kerana popularitinya. Dengan membuka akaun perniagaan di Facebook, kita boleh berkongsi maklumat perniagaan, alamat website, testimoni serta review pelanggan untuk menggalakkan keternampakan serta engagement. Pelajari juga kaedah copywriting di Facebook, Twitter serta Instagram untuk penulisan secara berkesan agar suapan kita mendapat perkongsian yang tinggi.

Pengiklanan di 'local classified listing services':

Mudah.my mungkin boleh digunakan bagi yang baru berjinak-jinak di dalam bidang ini kerana promosi di laman sesawang ini lebih tertumpu kepada kawasan setempat.

- **Pendaftaran dengan 'online tutoring service providers'**

Khidmat ini memberikan platform untuk memasarkan perkhidmatan dan membantu kita untuk menguruskan pengajaran di mana promosi serta pembayaran yuran pelanggan akan diuruskan sepenuhnya oleh agensi terbabit. Opsyen ini boleh diambil kira sekiranya kita tidak mempunyai jaringan sosial yang besar, perlukan pekerjaan dalam masa yang singkat, tiada kemahiran ICT yang luas serta

Jenis Aplikasi	Contoh Aplikasi	Fungsi
Aplikasi Panggilan Video	- Zoom Meetings - Google Meet - Cisco Webex - Team Meetings	- Semua aplikasi ini mempunyai fungsi yang sama iaitu membolehkan kita melakukan panggilan video secara terancang dan berjadual. Pautan untuk meeting juga boleh di hantar melalui emel, aplikasi WhatsApp atau Telegram. - Di dalam memilih aplikasi, aspek screen sharing adalah amat penting kerana kelas atas talian memerlukan tutor untuk bersemuka serta berkongsi slaid dengan pelajar.
Aplikasi Virtual Whiteboard	- Ziteboard - Stomboard - Scribblar	- Aplikasi whiteboard membolehkan tutor melukis, menulis serta berkongsi carta secara interaktif. - Sesetengah aplikasi panggilan video juga ada dilengkapi whiteboard seperti Zoom, Webex dan Google Meet. Peranti yang dinyatakan sebelum ini akan digunakan bersama-sama aplikasi ini.
Aplikasi untuk perkongsian dokumen secara maya (cloud) atau Pelantar Pengajaran	- Google Classroom - Microsoft Teams - Edmodo	- Aplikasi yang di senaraikan mempunyai pelbagai tools untuk tujuan perkongsian dokumen, semakan secara synchronized serta aplikasi untuk kolaborasi (kerja kumpulan). - Fungsi seperti 'Assignments' 'Rubrics' dan 'Assessment' membolehkan kita melakukan kuiz untuk menyemak tahap kefahaman pelajar dan sekaligus kita dapat memantau perkembangan pelajar dengan mudah dan sistematik

Jadual 1

bersedia untuk membayar yuran perkhidmatan yang dikenakan. Perkhidmatan ini juga akan menggariskan beberapa syarat lain yang perlu dipatuhi untuk menyertai agensi tersebut. Antara yang tersenarai di Malaysia adalah Myprivatetutor.my, Snapask.com, Golearn.com.my, dan Superprof.com.my.

Kesimpulannya, ilmu pengetahuan, kemahiran serta perancangan minda yang strategik adalah amat penting bagi memastikan kejayaan dalam dunia perniagaan. Kita tidak boleh menafikan bahawa sedikit masa diperlukan untuk mengenal pasti potensi, kekuatan serta kemahiran diri. Dalam masa yang sama, kita juga perlu mengatur strategi serta berkorban masa dan tenaga untuk membina reputasi positif dan jaringan sosial yang besar. Apa yang paling penting, susun strategi, aturkan langkah dan bulatkan tekad. Kejayaan pasti di tangan anda!

Rujukan

Hull, L. (April 20, 2020). How To Start An Online Tutoring Business: Prerequisites & 8 Steps To Success. <https://www.merchantmaverick.com/start-tutoring-business-online/?fbclid=IwAR0XFF8EzGMcC9EikjifGRKV7pWtrVGgJYNzDzFaawFp8Gy951QgQtSpY>

Website Builder Expert. (2021). 10 Best Free Website Builders in 2021. <https://www.websitebuilderexpert.com/website-builders/free/>

How to become an online tutor? (Februari 7, 2021). How To Become An Online Tutor in Malaysia? <https://coachmohdnoor.com/how-to-become-online-tutor-in-malaysia.htm?>